



**KASSIM (kanan) dan Ismail (kiri) meninjau kolej kediaman pelajar di UMS Kampus Antarabangsa Labuan kelmarin.**

## Timbalan Naib Canselor lawat kolej kediaman pelajar UMS-KAL

*UB 06.09.2012 B2*

**LABUAN:** Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Madya Datuk Dr Kasim Md Mansur telah mengadakan lawatan ke kolej kediaman pelajar di UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), kelmarin.

Beliau yang diiringi Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Ismail Ali dan Timbalan Pendaftar UMS-

KAL, Zamri Mohamad Tuah meninjau kolej kediaman pelajar Beta, Alpha dan Taman Mutiara.

Kassim diberi taklimat oleh Jurutera Kanan, Jorin Matawas, Penolong Jurutera Kanan, Md Azri Tanjong dan Penolong Pendaftar Kanan HEP, Norhanizah Adnan mengenai perkembangan terkini kolej kediaman itu yang akan menerima pelajar baharu UMS-KAL sesi

2012/2013.

Selain kolej kediaman, beliau turut meninjau kemudahan sukan dan kafeteria yang baru dinaiktaraf bagi keselesaan pelajar dan kakitangan UMS-KAL.

Pelajar baharu UMS-KAL dijangka tiba di terminal feri kenderaan tengah hari ini dari Kota Kinabalu yang akan disambut oleh Pengarah UMS-KAL dan pegawai kanan universiti itu.